

Headline	Inap desa sempena LIMA 2009	Language	MALAY
Date	03. Jun 2009	Page No	6
Media Title	Utusan Malaysia	Article Size	286 cm2
Section	Dlm Negeri	Frequency	Daily
Circulation	238082	Color	Full Color
Readership	833287	AdValue	5668.01



Bertujuan tarik pelancong tempatan menginap ala kampung

Inap desa sempena LIMA 2009

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
dan **HAKIMI ISMAIL**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 2 Jun – Program inap desa dan Pesta Pulau akan diadakan sempena penganjuran Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) 2009 pada 1 hingga 5 Disember ini.

Menteri Pelancongan, Datuk Seri Dr. Ng Yen Yen berkata, program inap desa bertujuan menarik minat pelancong tempatan menginap ala kampung di samping menjana pendapatan penduduk setempat.

"Kebanyakan pelancong tempatan tidak berkesempatan untuk datang ke pameran LIMA kerana faktor hotel yang terhad dan kos penginapan yang mahal.

"Dengan adanya program ini, pelancong bukan sahaja dapat datang ke pameran itu, malah dapat belajar budaya tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara penganjur LIMA 2009 dengan pihak penaja di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Abu Bakar Abdullah dan Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal, Pengurus Besar Kanan Perhubungan Luar Malaysia Airlines, Datuk Kapten Mohd. Nawawi Awang dan Pengarah Urusan HW LIMA Sdn. Bhd, Ahmad Dzuhri Abd Wahab dan Pengerusi Mimos Smart Computing Sdn. Bhd. Datuk Abdul Latif Mirasa.

Yen Yen berkata, pihaknya telah berbincang dengan penduduk Langkawi berhubung program itu dan rata-rata mereka bersetuju untuk mengikuti program yang dianjurkan.

Katanya, pameran LIMA 2009 digunakan sebagai pentas untuk me-

narik pelancong asing dan tempatan dengan mencerminkan budaya Malaysia melalui program-program yang akan diadakan.

"Kita akan bekerjasama dengan Majlis Tindakan Pelancongan negeri-negeri untuk membawa budaya setiap negeri untuk dipersembahkan pada LIMA 2009 dan ia akan dijadikan satu festival yang dikenali sebagai Pesta Pulau," katanya.

Beliau berkata, satu jawatankuasa khas pelancongan sempena pameran itu akan ditubuhkan di Langkawi bagi melancarkan program-program yang telah diatur oleh kementerianya sepanjang pameran itu berlangsung.

Beliau juga menegur pengusaha hotel di Langkawi yang meletakkan harga tinggi semasa LIMA berlangsung.

Menurutnya, pihak pengurusan hotel perlu menitikberatkan soal menarik minat pelancong datang ke Pulau Langkawi bukan dengan cara menaikkan harga hotel.



AHMAD Zahid Hamidi dan Ng Yen Yen menyaksikan Ahmad Dzuhri Abd. Wahab (kiri) bertukar dokumen dengan Kapt. Mohd. Nawawi Awang (dua kanan) dan Abdul Latif Mirasa (kanan) pada majlis menandatangani perjanjian antara penganjur LIMA 09 dengan pihak penaja di Kementah, Kuala Lumpur, semalam.